



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
ISNIN 26 OGOS 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MALAYSIA TO DISCUSS WAYS FOR BETTER TRADE BALANCE WITH INDIA FOR PALM OIL, HOEM BUSINESS, THE EDGE FINANCIAL DAILY -4	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2.	DEPUTY AGRICULTURE AND AGRO-BASED INDUSTRY MINISTER SIM TZE TZIN, HOME BUSINESS, THE EDGE FINANCIAL DAILY -19	
3.	BE PREPARED FOR VMY2020, TROPICAL FRIUT FARM OPERATORS TOLD, NEWS, THE STAR -3	
4.	MALAYSIA MAHU IMBANGAN DAGANGAN LEBIH BAIK DENGAN INDIA, NEWS, BERITA HARIAN -3	
5.	MALAYSIA MAHU IMBANGAN DAGANGAN LEBIH BAIK DENGAN INDIA, NEWS, MALAYSIA SHAFQAQA -5	
6.	DANAU TO' UBAN ZON TERNAKAN IKAN AIR TAWAR, NEGERI, HARAKAH -N12	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7.	DANAU TO' UBAN ZON TERNAKAN IKAN AIR TAWAR, FIKRAH, HARAKAH	
8.	PERIKANAN PENTING TAPI KERAJAAN PH KURANGKAN SUBSIDI NELAYAN, NASIONAL, HARAKAH -N19	
9.	TUKAR STATUS TANAH PERLU LALUI PROSEDUR KETAT, NASIONAL, BERITA HARIAN -7	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
10.	FAMA CADANG GUNA TANAH WAKAF, SELATAN, SINAR HARIAN -35	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN(FAMA)
11.	TANAM MUSANG KING DI TANAH WAKAF, NEGARA, KOSMO -1	
12.	TANAH WAKAF MAMPU JANA UNTUNG, NEGARA, KOSMO -2	
13.	BUAT PERJANJIAN AGAR KEADILAN DAPAT DIRASAI SEMUA PIHAK, NEGARA, KOSMO -2	
14.	200 PESERTA REDAH 5KM DALAM LADANG BUAH-BUAHAN, NEWS, HARIAN METRO -27	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
15.	MAJLIS PERASMIAN BANGUNAN PEJABAT LKIM NEGERI PERAK, UTUSAN MALAYSIA -7	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
16.	ASPIRASI LKIM NEGERI PERAK, WAWANCARA, SINAR HARIAN -14	
17.	SAWAH PADI MAKIN SUSUT, NASIONAL, BERITA HARIAN -6	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
18.	SAWAH PADI MAKIN SUSUT, NASIONAL, BERITA HARIAN -7	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Malaysia to discuss ways for better trade balance with India for palm oil		
MediaTitle	The Edge Financial Daily		
Date	26 Aug 2019	Color	Full Color
Section	Home Business	Circulation	4,562
Page No	4	Readership	13,686
Language	English	ArticleSize	82 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 899
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,697



## Malaysia to discuss ways for better trade balance with India for palm oil

**KUALA LUMPUR:** The ministry of primary industries will hold discussions with the ministry of agriculture and agro-based industry as well as the ministry of international trade and industry to discuss measures to create a better trade balance between Malaysia and India for the palm oil market.

Minister of Primary Industries Minister Teresa Kok said the discussions would enable the country's palm oil to enter the Indian market with less import duty.

"They (India) have requested for the trade balance with deposits to be overcome and I will bring

this matter to the Cabinet meeting.

"They also asked for more Indian goods to enter the Malaysian market. I will consider the request from the Indian government and for that, we will have a meeting to discuss this matter," she told the media during a Jalur Gemilang flag-waving campaign yesterday.

It was reported that on Aug 17, the Indian government began investigating whether a surge in palm oil imports from Malaysia had affected its domestic industry, according to the country's trade ministry investigation unit.

— *Bernama*

Headline	Deputy Agriculture and Agro-based Industry Minister Sim Tze Tzin		
MediaTitle	The Edge Financial Daily		
Date	26 Aug 2019	Color	Full Color
Section	Home Business	Circulation	4,562
Page No	19	Readership	13,686
Language	English	ArticleSize	150 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,644
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,933



**8** Deputy Agriculture and Agro-based Industry Minister Sim Tze Tzin (centre) visiting the showcases during the Maxis IoT Challenge Pitch Day in Kuala Lumpur on Aug 20, accompanied by Maxis chief executive officer Gokhan Ogut (left) and head of enterprise practices Claire Featherstone (right). Following roadshows and months of hard work from innovative and creative talent across Malaysia, 20 finalists pitched their solution prototypes to a panel of industry judges, with the top three winners receiving cash prizes of RM15,000, RM10,000 and RM5,000 respectively, as well as mentoring support for promising pitches.



8

Headline	Be prepared for VMY2020, tropical fruit farm operators told		
MediaTitle	The Star (Metro South and East)		
Date	26 Aug 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	19,900
Page No	3	Readership	59,700
Language	English	ArticleSize	397 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,550
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,650



## Be prepared for VMY2020, tropical fruit farm operators told

**RAUB:** Entrepreneurs in the tropical fruit industry need to prepare well for the upcoming Visit Malaysia Year 2020, said Deputy Agriculture and Agro-based Industries Minister Sim Tze Tzin.

He said this was to intensify the agro-tourism industry which was definitely an attraction for domestic and foreign visitors, especially those who love the concept of orchard-based tourism.

"All industry players must be ready for Visit Malaysia 2020 by ensuring their products are of the highest quality. For example, for Duriotourism, they need to focus on ensuring the quality of the durians.

"Farm operators are reminded to adhere to the Malaysian Good Agricultural Practices (myGAP) scheme.

"On the factory side, they must ensure that only the best durians are exported or supplied to the local market," Sim said after visiting the M Durian Fruits Sdn Bhd factory, which processes various varieties of durian including frozen Musang King, and inspecting Tanah Aina Farouq durian orchard in Raub, Pahang here.

He said orchard operators should prepare well so that tourists could have fun at the orchards while enjoying the fruits.

"I hope the agro-tourism packages will include the best of rambutan, mangosteen, duku, lingsat and other fruits so that visitors are convinced to come again," he said.

Sim disclosed that Malaysia had exported 565 tonnes of frozen duri-



Sim (second from left) checking a durian at Tanah Aina Farouq durian orchard in Raub. — Bernama

an to China since May this year, generating a revenue of RM24.3mil.

The Agriculture and Agro-based Industry Ministry estimates that 1,000 tonnes of premium varieties of Musang King (D197) and Black Thorn (D200) are exported to China every month.

He said the ministry was optimistic that the durian would be an industry under the New Avenues for Wealth Generation, with exports estimated to reach about RMS00mil a year. — Bernama



Factory workers at M Durian Fruits Sdn Bhd choosing durians to freeze for export. — Bernama



Headline	Malaysia mahu imbalan dagangan lebih baik dengan India		
MediaTitle	Berita Harian (www.bharian.com.my)		
Date	26 Aug 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	3
Order Rank	3	Readership	8
Language	Malay	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,500
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,500

## Malaysia mahu imbalan dagangan lebih baik dengan India

KUALA LUMPUR: Kementerian Industri Utama akan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pertanian serta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bagi membincangkan langkah mewujudkan imbalan dagangan yang lebih baik antara Malaysia dan I...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Malaysia mahu imbalan dagangan lebih baik dengan India		
MediaTitle	Malaysia Shafaqna (malaysia.shafaqna.com)		
Date	26 Aug 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	5	Readership	5
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,200
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,600

## Malaysia mahu imbalan dagangan lebih baik dengan India

KUALA LUMPUR: Kementerian Industri Utama akan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pertanian serta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bagi membincangkan langkah mewujudkan imbalan dagangan yang lebih baik antara Malaysia dan I...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

# Danau To' Uban zon ternakan ikan air tawar

Oleh SALWAHMAT HUSAIN  
 Foto RIZAL TAMAR

**PASIR MAS:** Danau To' Uban yang terkenal sebagai sebuah pusat rekreasi akan ditungku sebagai agroturisme tidak lama lagi.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Higienu dan Alam Sekitar Ustaz Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, tasik Danau To' Uban akan dijadikan sebagai zona penanaman ikan air tawar terbesar di Kelantan.

Katanya, ia sebagai usaha bagi membarau meningkatkan industri pengaliran ikan air tawar negara pada masa akan datang.



Annuddin Hamzah

"Tasik Danau To' Uban mempunyai potensi besar untuk dimajukan kerana kawasan tasik luas dan sumber air mencukupi.

"Kita telah membuat kesazangan bagi meniatkan dan mengaji infrastruktur yang di-

perlu untuk membangun kawasan tersebut," katanya selepas majlis penyerahan sangkar ikan kepada peserta di Zon Industri Akakultur Tasik Danau To' Uban Rabu lepas.

Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Higienu dan Alam Sekitar Ustaz Tuan Mohd Saripudin berkata, sekarang seramai 35 peserta mengusahakan penanaman ikan air tawar membabitkan 140 sangkar.

"Jumlah peserta dijangka bertambah dari seramai ke seramai dan ketika ini kita memperuntukkan sejumlah RM150,000 bagi membantu

peserta tersebut," katanya.

Menurutnya juga kawasan ini akan ditambah dengan beberapa keperluan termasuk surau, tempat penginapan, tandas dan kedai makan.

Mamakala Rong Chenak yang terletak di hulu Danau To' Uban merupakan tempat pemeliharaan rusa di kawasan seluas 500 ekar.

"Sekarang terdapat lebih 400 ekor rusa di situ. Selain itu ada juga penduduk menetap lembu, meranang rusa, kambing, jagung dan sayuran," katanya.

Sorang penduduk Amehudin Hamzah, 30 berkata, beliau gemina apabila kerajaan negeri melu memperingkatkan kawasan itu sebagai tempat



Ustaz Tuan Saripudin Tuan Ismail melawat lokasi pusat penernakan ikan air tawar.

pelancongan.

Beliau mearisi sebuah kedai makan yang ditinggalkan arwah ayahnya Hamzah Abdul Rahman sejak beberapa tahun lalu.

"Saya generasi kedua yang berniaga di sini selepas ayah

mengusahakannya sejak tahun 1970-an," ujarnya.

Beliau juga berharap kawasan berkenaan menjadi tumpuan pelancong berbanding sekarang hanya pada cuni umum atau jumaat dan Sabtu sahaja.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/8/2019	HARAKAH	FIKRAH	

# Fikrah

RU 2401 / 15-28 75 / 11440 / 26 / 26 AGOS 2019



Sangkar ternakan ikan air tawar kawasan di kawasan penduduk To' Uban.



Uetax Tuan Saripudin Tuan Ismail berbincang penternak.

## Danau To' Uban pusat ternak ikan air tawar

Oleh SALMAH MAT HUSAIN  
Foto RIZAL TAHIR

DANAU To' Uban menurut penduduk merupakan kawasan sawah padi. Pada awalnya terdapat sebuah alur-sungai agak sempit untuk menampung air hujan.

Bagaimanapun limpahan air dari Sungai Cegor, Tanah Merah mengalir melalui beberapa saliran sehingga ke pintu gate di Kampung To' Uban.

Kata penduduk akhirnya jumlah air yang banyak menyebabkan tebing sungai runtuh dan muncul danau seperti yang ada sekarang.

Danau itu meluas sehingga melewati beberapa kampung. Kawasan kampung boleh dilihat sayup mata memandang.

Di sebelah hulu terdapat Kampung Rong Chenok yang boleh dihubungi melalui jalan Lubok Jong-Tanah Merah dan landasan kereta api di Chetok.

Di Rong Chenok terdapat Masjid Brunei yang tersergam indah menjadi tempat tumpuan



Majlis penyerahan sangkar kepada penternak di Danau To' Uban.

pelancong dan rekreasi hujung minggu.

Malah persekitaran masjid terapung itu juga ada asrama dan tanah lapang untuk perkhemahan pelajar.

Pembinaan Masjid Brunei Darussalam dibelari Almarhum

Sultan Omar Ali Saifuddin, syahanda Sultan Brunei sekarang.

Itu dirasmikan Sultan Kelantan pada 23 Januari 1992. Masjid itu diwakafkan Sultan Haji Hassanah Holikiah Mullizzaddin Waddaulah kepada sekolah tahfiz di Kampung Rong Chenok.

Loket ternakan ikan air tawar di Danau To' Uban, Pasir Mas.

Bagaimanapun danau di sebelah Kampung To' Uban pula dijadikan tempat ternakan ikan air tawar oleh penduduk tempatan.

Baru-baru ini anggota Exco kerajaan negeri Uetax Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail menyampaikan jaring yang melibatkan kos RM150,000 bagi membina sangkar ikan air tawar.

Sangkar berkenaan diserahkan kepada 35 peserta. Hadir sama pada program itu Pengarah Jabatan Pertanian Kelantan Nazri Ishak dan Ketua Isjahan Pasir Mas, Nik Mohd

Noor Nik Ishek.

Mohd Saripudin berkata, perubahan berkenaan merupakan tertinggi dikeluarkan kepada penternak ikan air tawar setakat ini.

"Apa yang dilakukan kerajaan negeri untuk memajukan projek berkenaan memandangkan permintaan ikan air tawar begitu tinggi," katanya.

Sebelum ini anggota Exco terlibat juga melepaskan anak ikan ke danau tersebut. Di Rong Chenok pula terdapat ternakan rusa yang menjadi lokasi agrotourism.



Penternak yang hadir pada majlis penyerahan sangkar ikan air tawar.



# Perikanan penting tapi kerajaan PH kurangkan subsidi nelayan?

Oleh AZIZ MUDA

**L**EBIH satu bilion manusia di dunia ini bergantung kepada ikan sebagai sumber protein. Malah, sektor perikanan merupakan antara sektor utama kepada rakyat rakyat negara ini termasuk di negeri Terengganu, khususnya di daerah Setiu.

Memandangkan sektor perikanan merupakan sektor terpenting di Setiu, Kerajaan Persekutuan perlu lah memberikan perhatian yang sewajarnya agar keberlangsungan golongan nelayan terjamin.

Ahli Parlimen PAS dari Setiu, Ustaz Shaharizukhrain Abd Kadir berkata, namun dalam hubungan ini, beliau ingin menguak apa yang pernah disebutkan dalam perbahasan Ti-tah Diraja tempoh hari.

Menurut beliau, perkara itu adalah mengenai isu kompleks pendaratan ikan yang disediakan oleh kerajaan yang tidak dapat berfungsi kepada penduduk, khususnya di kawasan beliau di Setiu.

Katanya, masalah itu juga membawa kepada munculnya vesel-vesel baran yang beroperasi di Setiu dengan tindakan mendowngrade vesel kepada smpam enjin sangkut.

"Puncanya adalah masalah jeti pendaratan yang semakin cetek. Malah, kebanyakan vesel di Setiu ini, terpaksa melakukan pendaratan di Tok Bai. Saya kira isu-isu kemudahan presarana pendaratan sewajarnya diberi perhatian penuh oleh pihak kerajaan kerana ia merupakan perkara asas bagi 830 orang nelayan di kawasan Setiu," katanya.

Berucap ketika mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perikanan 1985 (Pindaan) 2019, yang dicadangkan dan dibentangkan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Salahuddin Ayub, pada persidangan Dewan Rakyat 9 Julai lalu, beliau turut menyentuh mengenai penguatkuasaan yang masih lagi lemah di kawasan perairan C2.

Ini, katanya, bukan sahaja isu berkenaan nelayan Vietnam baru-baru ini yang



berjaya lolos masuk ke perairan negara ini. Malah, isu pencerobohan nelayan tempatan juga turut beriak.

"Tidak mustahil masalah pencerobohan warga asing masih tidak dapat diselesaikan jika masalah pencerobohan nelayan tempatan juga tidak dapat ditangani," ujarnya.

## Laporan Metro

Tertarik dengan hujahan beliau, rakannya, Ahli Parlimen PAS dari Sik, Ustaz Ahmad Tarmizi Sulaiman mendorong untuk bangun dan mencelah dengan membangkitkan perkara yang berkaitan dengan pencerobohan nelayan Vietnam ke perairan negara ini.

Menurutnya, adakah beliau bersetuju bahawa pihak kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani khususnya perlu melihat dengan serius apa yang didedahkan oleh akhbar Metro pada hari itu.

"Sebanyak 100,000 upah klon bot yang didalangi oleh agen-agen tempatan dan di Vietnam yang menyebabkan berlaku pencerobohan di perairan kita dan mencarar hasil-hasil ikan di negeri kita, didedahkan oleh Metro ini kerana ketika mereka masuk ke daerah Sondok, Vietnam ini.

"Ini adakah pihak Yang Berhormat Setiu melihat bahawa jabatan Perikanan Malaysia tidak cukup untuk mereka sahaja memberi ataupun mengeluarkan lesen untuk bot-bot ini dan

perlu juga ditambah dengan jabatan-jabatan lain untuk melihat keberkesanan lesen yang tidak disalah guna ini," kata Ustaz Ahmad Tarmizi.

Memberikan respons terhadap perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen PAS dari Sik itu, Ustaz Shaharizukhrain berkata, beliau bersetuju dengan saranan Ustaz Ahmad Tarmizi itu.

"Saya juga baca apa yang ditulis oleh wartawan Metro di mada dalam kenyataan yang disebut bahawa ada orang yang menjadi perantara yang mempergunakan antara tauke bot Vietnam dengan pemilik lesen tempatan. Mengikut perantara tersebut, dia menyatakan bahawa dia sudah bekerja lapan tahun sebagai perantara ini dan telah jadi jutawan pun.

"Dia mengatakan bahawa tauke-tauke bot Vietnam ini tidak merasakan bahawa apa yang mereka lakukan ini menyalahi undang-undang. Antaranya sebab mereka kata bahawa mereka sekadar mezarang-kan ikan dan bayaran pun telah diberikan kepada pemegang lesen dan juga pihak berkuasa tempatan," katanya.

## Subsidi Kesatuan Eropah

Berhubung pindaan rang undang-undang yang dilakukan itu, beliau mengatakan bahawa pindaan tersebut turut menyentuh mengenai peningkatan jumlah denda bagi vesel penangkapan ikan asing dan tempatan.

Sehubungan itu, melalui pindaan tersebut, beliau mencadangkan agar denda tersebut diagihkan kepada nelayan tempatan yang telah dimafkan hak mere-

ka untuk menangkap ikan yang menyebabkan mereka mengalami pengurangan hasil atau mungkin tidak dapat langgung disebabkan pencerobohan itu.

"Selain pampasan tersebut, saya juga mencadangkan agar kerajaan melipat gandakan bantuan berbentuk peralatan kepada para nelayan. Ini kerana saya percaya dengan pengurangan subsidi bantuan sara hidup oleh kerajaan hari ini memberi kesan yang besar kepada nelayan," ujarnya.

Beliau mengatakan bahawa Malaysia patut tiru langkah yang dibuat oleh Kesatuan Eropah. Kesatuan Eropah membelanjakan EUR3.3 million dan angka subsidi tersebut melebihi tiga kali ganda hasil pendapatan nelayan.

"Subsidi yang diberikan EUR3.3 million melebihi tiga kali ganda lebih daripada hasil pendapatan mereka. Sehingga menurut satu kajian The European Union and Fishing Subsidies ada menyatakan bahawa sebanyak 13 buah negara membelanjakan subsidi yang lebih tinggi daripada nilai tangkapan.

"Ini menunjukkan dunia hari ini bergantung kepada lautan untuk makanan dan mata pencarian. Sebaliknya di Malaysia, kerajaan hari ini mengurangkan subsidi sektor perikanan dan kesannya nelayan kita semakin terhimpit," ujarnya kesal.

## Seksyen 53 Akta Perikanan

Meneruskan perbahasannya, beliau ruyentut tentang kemudahan yang dimiliki oleh Maritim Malaysia (APNM). Saya dimaklumkan bot-bot yang digunakan oleh APNM ini kebanyakannya ialah bot yang bertaraf second hand

mana pegawai diberi kuasa atau tidak mematuhi apa-apa kehendak yang dibuat oleh mana-mana pegawai diberi kuasa semasa menjalankan kuasa dan kewajibannya di bawah akta ini adalah bersalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM20,000."

Persoalannya, katanya, adakah benar tidak wujud campur tangan pihak itu kerana beliau mendapat aduan bahawa mereka yang dikenali dengan panggilan tauke-tauke di perairan turut terlibat dalam penguatkuasaan.

"Jadi, sejauh manakah keberkesanan akta ini dan memastikan tidak campur tangan sesiapa pun selain daripada pihak berwajib bagi memberi jaminan akan penguatkuasaan yang dijalankan benar-benar adil dan saksama," tanya beliau.

Secara amnya, tegas beliau, pindaan RUU Perikanan Akta Perikanan 1985 itu banyak menyentuh mengenai pemantauan, pengawasan dan pengawasan vesel di Zon C3. Perluasan kawasan di perairan itu menunjukkan kerajaan sudah bersedia untuk mengawal kawasan yang lebih luas.

Persoalannya, tanya beliau, sejauh manakah tahap pendedahan kerajaan dalam memastikan masalah di Zon C2 seperti pencerobohan perairan oleh nelayan tempatan mahupun asing dapat ditangani.

"Saya juga ingin menyentuh tentang kemudahan yang dimiliki oleh Maritim Malaysia (APNM). Saya dimaklumkan bot-bot yang digunakan oleh APNM ini kebanyakannya ialah bot yang bertaraf second hand



Ustaz Shaharizukhrain Abd Kadir



Ustaz Ahmad Tarmizi Sulaiman

yang pernah diguna oleh agensi-ageni yang lain yang menyebabkan sebahagian besar daripada bot-bot tersebut tersada.

"Jadi, saya sarankan kepada kerajaan supaya membeli bot-bot yang baharu apatah lagi dalam keadaan kesediaan kerajaan untuk membuat pindaan RUU dengan memperluaskan lagi kawasan ke laut lepas atau C3. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong pindaan RUU ini," ujar beliau.



Kerajaan hari ini mengurangkan subsidi sektor perikanan dan kasannya nelayan kita semakin terhimpit.



26/8/2019

BERITA  
HARIAN

NASIONAL

7



## Tukar status tanah perlu lalui prosedur ketat

**Kuala Lumpur:** Beberapa kerajaan negeri mengambil langkah sistematik dan prosedur ketat bagi penukaran status tanah bagi mengatasi penguncupan keluasan sawah padi.

Kerajaan Kedah umpamanya melaksanakan dasar menggantikan setiap tanah sawah yang terpaksa diambil bagi tujuan pembangunan dengan tanah gantian di kawasan lain.

Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Mahathir yang juga Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), berkata Kedah sudah sejak sekian lama berkorban bagi menjamin pengeluaran beras negara mencukupi.

Katanya, ia membabitkan tanah negeri seluas 270,000 hektar yang dikhususkan bagi pengeluaran padi, kawasan pertanian, tasik empangan dan tadahan air.

"Kawasan ini jika dibangunkan menjadi taman industri mampu memberi pulangan lebih tinggi kepada rakyat, namun kita tidak berbuat demikian kerana komitmen sebagai pengeluar utama beras.

"Justeru kita pastikan tanah sawah yang diambil bagi tujuan pembangunan diganti dengan tanah yang dikhususkan bagi pengeluaran padi," katanya.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Perlis, Nurulhisham Yaakob, pula berkata kerajaan negeri tidak menggalakkan penjualan tanah sawah bagi tujuan pembangunan.

Beliau bagaimanapun berkata, kawasan sawah sekitar Perlis masih terpelihara tanpa sebarang pembangunan drastik bagi memastikan bekalan beras negara mencukupi.

"Status tanah pertanian juga perlu ditukar sekiranya tanah terbit ingin dijual dan kita turut memantau selain menasihati pesawah sebelum mereka mahu berbuat demikian.

"Setakat ini, ada pesawah jual tanah mereka namun bilangannya kecil dan biasanya tanah terletak di kawasan pinggir ban-

dar," katanya.

Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Kemudahan awam, Pertanian dan Perladangan Perak, Abdul Yunus Jamhari, berkata keluasan sawah di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kerian kini merosot kepada 17,000 hektar berbanding kira-kira 24,000 hektar sebelum ini.

"Justeru kawasan yang diwartakan sebagai kawasan jelang padi akan terus dikekalkan keluasanya bagi menjamin keselamatan makanan," katanya.

Katanya, antara faktor yang menyumbang kepada penyusutan kawasan adalah disebabkan permintaan terhadap kawasan perumahan, tanaman kelapa sawit, perusahaan ikan hiasan arowana dan pembukaan kawasan perindustrian.

Sementara itu, Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Nik Roslan Idris, berkata KADA melakukan pemutihan dua tahun sekali sejak 2015 bagi mengenal pasti keluasan sebenar tanaman padi dan mengelakkan berlaku tirisian baja subsidi.

Bagi pengeluaran padi katanya, statistik menunjukkan peningkatan kepada 252,154 tan berbanding sebanyak 201,135 tan pada 2010.

"Kita sentiasa melakukan pelbagai program bagi meningkatkan hasil pengeluaran padi per hektar, antaranya memberi khidmat nasihat berkaitan penggunaan benih berkualiti serta pengurusan air yang baik," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Pertanian Johor, Hishamuddin Ahmad, berkata setakat ini, tiada cadangan meluaskan kawasan sawah kerana kekangan dihadapi dalam isu pengurusan sistem pengaliran.

"Penanaman padi memerlukan sistem pengaliran dan empangan khas kerana tanaman itu memerlukan banyak air. Bagaimanapun, kawasan penanaman yang berkelompok dan jauh antara satu sama lain di Johor menjadikan pembinaan sistem itu terlalu mahal dan tidak praktikal," katanya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/8/2019	SINAR HARIAN	SELATAN	35

# FAMA cadang guna tanah wakaf

**Tanam Musang King untuk manfaat pewakaf dan kerajaan negeri**

SARUNAH MAT KASIM

PORT DICKSON

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutian (FAMA) meminta kerajaan negeri dan majlis agama Islam seluruh negara menimbangkan cadangan membangunkan tanah wakaf terbahar dengan tanaman durian Musang King.

Pengerusinya, Ishak Ismail berkata, hasrat itu bertujuan meningkatkan nilai tanah dengan hasil yang diyakini dapat mem-

beri manfaat kepada pewakat dan kerajaan negeri.

Menurutnya, mengikut data yang diperolehi terdapat banyak tanah wakaf terbahar di seluruh negara yang mencecah nilai sehingga RM58 bilion tetapi terkunci tanpa diusahakan.

"FAMA berhasrat mengusahakan tanah di pinggir bandar dan kawasan terpencil kerana berpotensi tingkakan nilai melalui tanaman durian jenis ini.

"Tanah terbahar ini dapat diusahakan bersama FAMA sebagai tapak pertanian yang akan diusahakan oleh penanam muda baharu.

"Kita bantu dan bina-bina peserta secara ajuuran kontrak pemasaran bagi memastikan mereka dapat ushakan tanah itu," katanya selepas merasmikan



Ishak (tengah) bersama peserta kursus Upskilling Pembangunan Tanaman Musang King di Dewan Refleksi Institut Latihan FAMA, dekat sini semalam.

Majlis Penutup Kursus Upskilling Pembangunan Tanaman Musang King di Dewan Refleksi Institut Latihan FAMA semalam.

Katanya, maklumat pakar pertanian mendapati pokok matang dapat me-

nghasilkan buah sebanyak 120 biji dan mampu memberi pulangan sehingga RM3,600 jika dijual pada harga RM20 sekilogram.

Katanya, pulangan menjual Musang King dilihat lebih tinggi jika diban-

dingkan dengan tanaman lain seperti nenas, kelapa, kelapa sawit dan getah.

"Harga durian Musang King secara purata mencecah RM30 hingga RM100 sekilogram bagi pasaran tempatan manakala

RM400 hingga RM800 sekilogram bagi pasaran luar negara," katanya.

Menurutnya, walaupun pembangunan durian Musang King diperhebatkan di luar negara tetapi pihaknya memberi jaminan bahawa raja buah itu boleh dinikmati oleh masyarakat tempatan dengan harga mampu milik.

Ishak turut memberitahu, FAMA telah bekerjasama dengan Jabatan Kertanian Islam Malaysia (Jakim) untuk menjadi salah satu agensi pembimbing halal bagi memastikan produk yang dikeluarkan memenuhi konsep halal yang baik.

Katanya, beberapa pegawai FAMA akan diberi pertubuhan sebelum dapat membantu lebih 6,000 usahawan FAMA memulakan siri halal dengan pantas dan lebih mudah.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/8/2019	KOSMO	NEGARA	1



TANAH wakaf sesuai dijadikan kawasan penanaman durian Musang King. - Gambar hiasan

# Tanam Musang King di tanah wakaf

KIRA-KIRA 26,100 hektar tanah wakaf terbiar di seluruh negara yang nilainya mencecah RM58 bilion dicadang dibangunkan dengan penanaman pokok durian Musang King.

Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Ishak Ismail (gambar kecil) berkata, pihaknya meminta



**FAMA cadang bangunkan aktiviti penanaman durian di kawasan terbiar**

kerajaan negeri dan Majlis Agama Islam mempertimbangkan cadangan tersebut dalam usaha menggalakkan lebih ramai penanam baharu sekali gus memberi nilai tambah kepada tanah wakaf itu sendiri.

➤ BERITA DI MUKA 2



FAMA mahu tanam pokok durian Musang King di kawasan terbiar

# Tanah wakaf mampu jana untung

**PORT DICKSON** - Lembaga Pemersaran Pertanian Persekutuan (FAMA) merancang untuk membangunkan tanah wakaf terbiar khususnya di pinggir bandar dan kawasan terpencil yang terdapat di seluruh negara dengan penanaman durian.

Sehubungan itu, Pengerusinya, Ishak Ismail memitorka kerajaan negeri dan Majlis Agama Islam mempertingkatkan hasrat berkenaan dalam usaha menggalakkan lebih ramai penanam baharu sekali gus memberi nilai tambah kepada tanah wakaf itu sendiri.

"Kita mahu menjalinkan kolaborasi bersama kerajaan negeri atau Majlis Agama Islam, untuk melihat tanah terbiar ini dapat diusahakan bersama FAMA kerana kita lihat ia sangat berpotensi untuk kita tingkatkan nilai dengan cara penanaman durian Musang King.

"Kita mahu jadikan tanah wakaf itu sebagai tapak pertanian yang diusahakan oleh penanam muda dan hasil yang diperoleh nanti kita akan pastikan ke luar sama ada melalui FAMA atau ruang pasaran yang disediakan," katanya selepas merasmikan majlis penutup Kursus Upskilling Pembangunan Tanaman Musang King di Institut Latihan FAMA di sini semalam.



TANAH wakaf terbiar di seluruh negara bakal dibangunkan oleh FAMA untuk ditanam dengan pokok durian Musang King. - Gambar: Hasnan



ISHAK (tengah) menyampaikan gincu penanaman anak pokok durian Musang King pada Majlis Perasmian Kursus Upskilling di Port Dickson semalam.

Menurut Ishak, berdasarkan data yang diperolehi, terdapat banyak tanah wakaf terbiar di seluruh negara yang menccah



DURIAN Musang King menjadi buruan peminat raja buah kerana rasanya yang enak.

Musang King, Ishak berkata, menurut pakar pertanian, sapon pokok matang durian Musang King dapat mengeluarkan hasil sebanyak 120 biji durian, dan mampu memberi pulangan sebanyak RM8,600, jika harga buah dijual dengan RM20 seketogram.

Katanya, pulangan menjual Musang King dilihat lebih tinggi jika dibandingkan dengan tanaman lain seperti nenas, kelapa, kelapa sawit dan getah.

"Harga durian Musang King secara purata mencecah RM30 hingga RM100 seketogram bagi pasaran tempatan, manakala RM400 hingga RM800 seketogram bagi pasaran luar negara, tidakkah ia sangat menguntungkan," katanya.



Ishak berkata, walaupun pembangunan durian Musang King diperhebatkan di pasaran luar negara, tetapi pihaknya memberi jaminan bahawa raja buah ini boleh dimiliki oleh masyarakat tempatan, dengan harga yang mampu milik. Bertamna

## INFO

### Durian Musang King

- Dikenali juga Raja Kurlyt atau Mao Shan Wang
- Berasal dari Tanah Merah, Kelantan
- Didaftarkan pada tahun 1993 (Jabatan Pertanian)
- Harga pasaran mencecah antara RM150 sehingga RM100 seketogram
- Mendapat sambutan baik di China, Singapura, Hong Kong dan Australia
- Raub dan Bentong, Pahang pengeluar terbesar dengan keluasan dusun 10,000 hektar

# Buat perjanjian agar keadilan dapat dirasai semua pihak

**KUALA LUMPUR** - Pihak yang ingin mengusahakan tanah wakaf untuk mendapatkan keuntungan daripada kerja yang dilakukan perlu membuat perjanjian terlebih dahulu.

Mufti Pahang, Datuk Seri Abdul Rahman Ohman (*gambar*) berkata, ia bagi memastikan keadilan dapat dilaksanakan antara pihak-pihak terbabit.



“Jika Lembaga Permasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) ingin mengusahakan tanaman di tanah wakaf, perlu mendapatkan kebenaran untuk menanam, hasil daripada perijualan buah tersebut perlu dititik beratkan.”

“Semua ini perlu dilaksanakan bagi keadilan pihak

pengusaha serta pihak majlis negeri terbabit,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Bellau mengulas mengenai cadangan FAMA untuk meminta kerajaan negeri dan Majlis Agama Islam seluruh negara menimbang-cadangan membangunkan

tanah wakaf terbiar dengan penanaman pokok durian Musang King.

Sementara itu, pengusaha durian Musang King, Muhammad Baihaki Ohman berkata, cadangan itu boleh menguntungkan pengusaha-pengusaha durian itu di seluruh negara.

“Jika dilihat, permintaan bagi durian Musang King di negara amat tinggi, namun bekalan

buah tersebut tidak mencukupi bagi memenuhi permintaan pasaran.

“Tangkah FAMA bagi memperbanyakkan kawasan penanaman durian itu juga mampu memberikan imbuhan yang lumayan kepada semua pengusaha durian tempatan sambil memenuhi permintaan buah durian Musang King di pasaran,” katanya.



Headline	200 peserta redah 5km dalam ladang buah-buahan		
MediaTitle	Harian Metro (Melaka Negeri Sembilan)		
Date	26 Aug 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	9,582
Page No	27	Readership	28,746
Language	Malay	ArticleSize	75 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,210
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,630



### Jejebu

## 200 peserta redah 5km dalam ladang buah-buahan

Seramai 200 peserta membuat larian sejauh lima kilometer di dalam ladang buah-buahan di Stesen Mardi Jejebu, di sini, sempena *Jejebu Trail Run* (JTR), kelmarin.

Program anjuran Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) Negeri Sembilan diadakan menjelang Hari Mardi peringkat negeri yang akan disambut pada 7 September depan.

Pengarah Mardi negeri, Suwardi Afandi Ahmad berkata, penganjuran program itu bertujuan

memperkenalkan agensi terbabit kepada orang ramai secara lebih berkesan.

Menurutnya, pihaknya mahu mendekatkan agensi berkenaan kepada golongan sasar, sekali gus memberi pendedahan dan pengetahuan mengenai fungsi serta perkhidmatan disediakan Mardi.

“Ia bertepatan dengan hasrat menjadikan Mardi sebagai agensi kerajaan yang mesra pelanggan dan efektif dalam sistem penyampaiannya,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/8/2019	UTUSAN MALAYSIA		7





**MENJUNJUNG KASIH TUANKU**

**DULI YANG MAHA MULIA**  
**PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN**  
**SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH**  
**IBNI ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH**

**DAN**

**DULI YANG MAHA MULIA RAJA PERMAISURI PERAK DARUL RIDZUAN**  
**TUANKU ZARA SALIM**

**ATAS LIMPAN PERKENAN MENYEMPURNAKAN**

**MAJLIS PERASMIAN**  
**BANGUNAN PEJABAT**  
**LKIM NEGERI PERAK**  
**◆ SERI MANJUNG, PERAK ◆**

**ISNIN, 26 OGOS 2019 BERSAMAAN 25 ZILHIJAH 1440H | 9.30 PAGI**  
**PEJABAT LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA NEGERI PERAK,**  
**32040 SERI MANJUNG, PERAK DARUL RIDZUAN**



# Aspirasi LKIM Negeri Perak

**B**angunan Pejabat LKIM Negeri Perak mula beroperasi sepenuhnya pada Mac 2015 selaras dengan hasrat kerajaan khususnya Kementerian Perikanan Dan Industri Asas Tani untuk menyampaikan perkhidmatan yang optimum kepada rakyat khususnya golongan sasar.

Hari ini, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan

mencemar duli merasmikan Bangunan Pejabat Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Negeri Perak.

Ikuti wawancara *Sinar Harian* bersama Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Jamaludin Othman untuk mengetahui lebih lanjut berkaitan operasi LKIM Negeri Perak dan matlamat khusus lembaga ini dalam usaha menyejahterakan keperluan dan kehidupan golongan nelayan.

**SINAR HARIAN:** Jelaskan serba sedikit mengenai operasi LKIM Negeri Perak.

**JAMALUDIN:** LKIM Negeri Perak ditubuhkan pada tahun 1974. Perkhidmatan Pejabat LKIM Negeri Perak pada peringkat awalnya bertempat di Ipoh sebelum berpindah ke Sitiawan dan beberapa lokasi lain. Pada Mac 2015, pejabat LKIM Negeri Perak beroperasi sepenuhnya di Seri Manjung, Perak sehingga kini. LKIM Negeri Perak menempatkan seramai 62 pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di pejabat negeri, pejabat daerah dan pejabat persatuan nelayan negeri dan kawasan. Kita mempunyai dua pejabat daerah iaitu di Matang mewakili Pejabat Daerah LKIM Utara dan di Hillir Perak menempatkan Pejabat Daerah LKIM Selatan.

Selain itu, terdapat sebuah Persatuan Nelayan Negeri dan tujuh Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) yang beroperasi di seluruh negeri Perak bagi membantu kumpulan sasar LKIM yang berjumlah 13,911 orang. Persatuan Nelayan Negeri Perak dikenali sebagai Penggerak makalata tujuh PNK membabitkan Persatuan Nelayan Kawasan Hillir Perak, Persatuan Nelayan Kawasan Manjung Selatan, Persatuan Nelayan Kawasan Manjung Utara, Persatuan Nelayan Kawasan Pangkor, Persatuan Nelayan Kawasan Sungai Tinggi, Persatuan Nelayan Kawasan Matang dan Persatuan Nelayan Kawasan Kerian.

LKIM Negeri Perak turut dilengkapi dengan kemudahan pendaratan ikan iaitu kompleks dan jeti. Terdapat dua Kompleks Pendaratan Ikan iaitu Kompleks LKIM Lumut dan Kompleks LKIM Kuala Kurau serta 40 jeti pendaratan LKIM di seluruh Perak. Pendaratan ikan di Perak merupakan penyumbang terbe-

sar kepada hasil pendaratan ikan di seluruh negara.

**Apakah pelan perancangan bagi pembinaaan bangunan LKIM Negeri Perak?**

**JAMALUDIN:** Perancangan pembinaan bangunan baru Pejabat LKIM Negeri Perak bermula dengan pemilikan tapak asal oleh LKIM pada April 2011 dan Ketua Pengarah LKIM sebagai Pegawai Penguasa Projek. Pembinaan sebuah blok bangunan pejabat empat tingkat di atas lot 13743, Mukim Sitiawan ini menyediakan pelbagai fasiliti. Bangunan berkonsepkan seakan Ibu Pejabat LKIM di Pulau Meranti, Puchong, Selangor ini menelan kos RM7.6 juta dan siap pada 1 Januari 2015.

Ruang pejabat ini mampu memuatkan seramai 62 staf dengan dilengkapi dengan pejabat urusan bahagian di setiap tingkat.

**Boleh kongsi pencapaian terbaik LKIM Negeri Perak?**

**JAMALUDIN:** Untuk perancangan jangka pendek, LKIM meneruskan Skim Elaun Sara Hidup Nelayan sebanyak RM200 sebulan kepada golongan nelayan yang layak dan terdiri daripada pemilik vesel zon A dan pekerja/awak-awak zon A, B, C dan C2. Bagi membantu mengurangkan kos operasi menangkap ikan di laut, kerajaan masih meneruskan Skim Subsidi Petrol dan Diesel.

Bagi menggalakkan nelayan meningkatkan hasil tangkapan, kerajaan memberikan Insentif Hasil Tangkapan Ikan iaitu pada kadar RM0.10 per kg bagi zon A, B dan C tertakluk kepada had maksimum bayaran mengikut zon. Selain itu, LKIM juga menyediakan bantuan *one-off* di bawah Program Touch Point Peralatan Penangkapan Ikan (Quick Win Program) bertujuan



membantu nelayan dengan menyediakan peralatan penangkapan ikan seperti pukat dengan nilai RM1,000.

Bagi mengurangkan kerugian nelayan akibat pengendalian selepas tuai (*post harvest losses*), peruntukan telah disalurkan untuk kerjasama peningkatan dan penyelenggaraan kecil kompleks dan jeti pendaratan LKIM ada. Peruntukan sebanyak RM1,000,000 juga akan disalurkan untuk pembinaan sebuah jeti baharu di daerah Matang.

**Apakah pelan perancangan jangka panjang LKIM?**

**JAMALUDIN:** LKIM menyediakan kemudahan Pinjaman Dana Nelayan tanpa faedah bagi membebaskan mereka peluang dalam menggunakan teknologi baharu berkaitan penangkapan ikan seperti bot *fiberglass*, kotak ikan berinsulasi dan seumpamanya. Kemudahan ini juga disediakan bagi meningkatkan keupayaan bot sedia ada nelayan dan sebagai modal operasi dengan had pinjaman sebanyak RM25,000 seorang. Inisiatif bagi menjaga kebajikan nelayan disediakan Skim Perlindungan Insurans Berkelompok Nelayan dan Skim Bantuan Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan. Bermula Jun 2019, skim ini akan digantikan dengan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri yang diselaras-

kan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

Kerajaan juga telah melaksanakan program baik pulih, bina baru dan penempatan semula nelayan di bawah Projek Khas Perumahan Nelayan. LKIM merancang untuk meneruskan pembangunan dan pembinaan Penempatan Semula Nelayan di beberapa daerah di Perak dengan kerjasama jabatan atau agensi di bawah kerajaan negeri sepanjang Rancangan Malaysia Ke-11.

**Bagaimana pula dengan kemudahan infrastruktur?**

**JAMALUDIN:** Dari segi infrastruktur, pembinaan Pasar Nelayan memberi peluang kepada nelayan atau keluarga nelayan memasarkan hasil tangkapan secara terus kepada pengguna supaya nelayan memperoleh margin pulangan harga yang lebih baik dan menguntungkan. Sehingga tahun 2018, sebanyak empat Pasar Nelayan telah dibina di seluruh Perak. Tahun ini, LKIM telah merancang untuk membina dua lagi Pasar Nelayan dan ini tertakluk kepada kesesuaian dan kelulusan tapak yang akan diperoleh.

Kerajaan pada masa sama memberi galakan kepada nelayan untuk menceburi bidang akuakultur bagi membantu meningkatkan pendapatan mereka di bawah Program Touch Point Akuakultur. Kita galakkan mereka dalam aktiviti ternakan ikan dan udang dalam sangkar, ternakan dalam kolam serta ternakan dalam tangki. Bantuan diberi berbentuk *in-kind* seperti peralatan ternakan, makanan ternakan serta pembekalan benih ternakan. Kerajaan juga menggalakkan nelayan mence-

buri bidang Industri Asas Tani (IAT) di bawah Program Pembangunan Usahawan Bimbingan (PUB) LKIM dan mendapat kemudahan geran pemataman.

Bantuan peralatan akan dipertimbangkan di bawah program Skim Mikro IAT bagi nelayan yang telah menjalankan perniagaan tidak kurang daripada 6 bulan. Usahawan sedia ada akan dipertimbangkan bantuan di bawah skim lain seperti Program Change Upgrade Product (CUP) yang terbuka kepada usahawan IAT Tahap 1 - 3 dan High Impact Project (HIP) yang terbuka kepada usahawan Tahap 4 - 5 serta tertakluk kepada prestasi projek dan nilai urus niaga berkaitan. Sehingga Oktober 2018, LKIM telah membantu memajukan 50 usahawan IAT dari Tahap 1 - 5 di seluruh negeri Perak. Ini tidak termasuk Program Pembangunan Modal Insan bagi meningkatkan kecakapan dan penguasaan serta perpindahan teknologi baharu.

**Apakah usaha LKIM Negeri dalam membantu nelayan?**

**JAMALUDIN:** LKIM Negeri Perak telah menyediakan Projek Penempatan Semula Nelayan Teluk Baru dan Pasir Bogak di Pulau Pangkor yang siap pada tahun 2018.


Nelayan di negeri ini juga mempunyai Pusat Pemrosesan Hasil Perikanan (PPHP) di Pulau Pangkor yang menempatkan enam usahawan beroperasi dan telah mendapat persijilan Halal. Matlamat PPHP bertujuan mengumpulkan produk usahawan di Pulau Pangkor sekaligus dapat meningkatkan industri hasil laut di daerah itu.





**Di Jelebu, beberapa sawah ditukarkan menjadi ladang tanaman nenas kerana masalah samia (pengairan).**

Bakri Sawir, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Sembilan



**Masalah tanah pusaka yang dibahagikan kepada ramai anak juga menjadi antara faktor tanah tanaman padi dijual.**

Nik Roslan Idris, Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu



**Penukaran status tanah sawah tidak dapat dielakkan bagi penuhi keperluan perumahan selaras pertumbuhan penduduk.**

Dr Azman Ibrahim, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Terengganu



Kawasan sawah di Tanjung Pandang, Parit Buntar yang kini sudah bertukar status kepada tanah kediaman.

(Foto Shaiful/BH)

## Sawah padi makin susut

Ancam pengeluaran sumber makanan ruji negara

Oleh Wartawan BH  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Hampir kebanyakan negeri kini dikesan menghadapi krisis penyusutan kawasan sawah padi yang sekiranya tiada kawalan boleh mengancam pengeluaran beras yang menjadi sumber makanan ruji penduduk di negara ini.

Ini berikutan kawasan sawah 'bertukar wajah' apabila dibangunkan dengan pelbagai projek infrastruktur, komersial dan perumahan, sekali gus menjadikan keluasan sawah padi negara makin mengecil. Tinjauan BH di beberapa negeri mendapati, hasil padi yang tidak stabil dan tidak menentu juga menjadi antara punca kebanyakan pesawah menjual tanah sawah mereka kerana tidak mahu berdepan kerugian.

Faktor penawaran harga yang tinggi oleh pemaju, selain tidak ada keluarga yang mahu meneruskan tanah pusaka dan faktor tawaran harga lumayan oleh pembeli, turut menjadi penyumbang kepada penguncupan kawasan sawah.

Di Kedah, kawasan sawah padi di sekitar Kota Setar, Kubang Pasu dan Pendang didapati paling banyak dibangunkan dengan projek infrastruktur, komersial dan perumahan.

Tinjauan mendapati, kawasan se-

perti di Alor Mengkudu, Mergong dan Bakar Batu yang dahulunya kawasan sawah, kini berubah menjadi puset komersial.

Selain itu, terdapat juga tanah pertanian di Ayer Hitam, Langgar dan Kuala Kedah ditukar menjadi kawasan perumahan baharu berikutan permintaan penduduk yang mahu memiliki rumah.

Bagi petani, Mat Bohari Lazim, 65, berkata faktor kos penanaman dan harga padi menyebabkan ramai pesawah menjual tanah mereka terutama yang terletak di pinggir bandar.

"Memang ramai petani sekitar Kota Setar menjual sawah terutama yang keluasan mereka kurang satu hektar kerana kos untuk menanam padi meningkat setiap tahun.

"Saya sendiri menjual sawah seluas 0.6 hektar pada 2004 kerana mendapat tawaran selepas tidak lagi mampu mengusahakannya," katanya.

Di Perak, Hasil padi yang tidak stabil dan tidak menentu antara punca kebanyakan pesawah di utara Perak menjual tanah sawah kerana tidak mahu terus menanggung kerugian.

Bagi pesawah, Mohd Syukur Abdul Samad, 59, dari Sungai Burung, Tanjung Pandang, dia bersama dua beradiknya sepakat menjual sebahagian tanah yang diwarisi berikutan hasil padi tidak menentu.

"Kami sekeluarga sepakat jual sebahagian tanah sawah di sekitar kawasan daerah Kerian kepada pemaju perumahan kerana sudah banyak musim padi yang kami usahakan tidak menjadi dan menanggung rugi.

"Ini kerana selain serangan pe-



Pembinaan lot rumah kedai yang berdekatan dengan sawah padi di kawasan Perindustrian Shahab Perdana.

nyakit, kawasan padi yang berhadapan laut yang terdedah ancaman air masin juga menyebabkan hasil tanaman terjejas," katanya.

Di Johor, Antara faktor pengurangan kawasan sawah padi di negeri ini adalah tindakan pemilik tanah membina kediaman atas tapak berkenaan kerana berpendapat mereka berhak melakukannya demi keselesaan sendiri.

Bagaimanapun, tinjauan mendapati, saiz tanah yang digunakan untuk pembinaan kediaman itu tidak terlalu besar, malah petani memberi alasan ia memudahkan mereka mengusahakan sawah kerana tidak perlu tinggal jauh.

Penduduk Kampung Telok Rimba, Tungkang yang enggan namanya diungkapkan, berkata ramai pemilik tanah sawah berbuat demikian sejak beberapa tahun lalu.

"Hanya sebahagian kecil sahaja tanah sawah di kawasan ini digunakan sebagai kediaman penduduk, selebihnya masih diusahakan dengan tanaman padi.

"Legipun, sawah padi di bukan

dari kawasan jelapang kerana hanya membabitkan keluasan penanaman kira-kira 137 hektar sahaja," katanya.

Di Selangor, Kebanyakan pemilik sawah di daerah Kuala Selangor menimbus tanah mereka untuk membina rumah dan bukan untuk tujuan komersial seperti pembinaan kilang.

Seorang pesawah, Ahmad Mahidin, berkata pemilik biasanya tidak menimbus atau menjual tanah mereka kerana ia akan diwariskan kepada anak cucu.

"Kita di sini (Kuala Selangor) biasanya timbus tanah untuk buat rumah sendiri saja atau dijadikan kebun kecil. Bagaimanapun, saya tidak pasti jika ada pembangunan komersial dibina di atas tanah sawah di daerah lain seperti Sabak Bernam.

"Apa yang menjadi masalah sekarang adalah kami akan kehilangan tanah sawah dan kebun kerana ia akan menjadi laluan projek talian penghantaran elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB) dari



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/8/2019	BERITA HARIAN	NASIONAL	7



Wakil petani melihat keluasan padi yang semakin berkurangan di Keteleh, Kota Bharu. (Foto Nik Abdullah Nik Omar /BH)

pencawang masuk utama (PMU) Sungai Manik ke PMU Kuala Selangor," katanya.

Di Negeri Sembilan, Tinjauan di sekitar Tanjung Ipoh, Kuala Pilah, mendapati sebahagian kawasan sawah kini menjadi ladang tanaman lain seperti nanas dan pisang.

Ia kerana pengusaha berdepan kesukaran untuk menuai hasil tanaman padi disebabkan masalah pengaliran, sekali gus mendorong mereka beralih kepada tanaman alternatif.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Bakri Sawir berkata, keadaan itu juga dapat dilihat di beberapa kawasan sekitar Kuala Klawang dan Kampung Mengkan di Jelebu.

"Di Jelebu, beberapa kawasan sawah ditukarkan menjadi ladang tanaman manas kerana masalah sama (pengaliran)," katanya.

Beliau berkata, kawasan sawah khususnya di Jelebu yang terletak di kawasan laluan jajaran Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL)

mungkin terjejas bagi memberi laluan untuk projek pembinaan mega itu.

Di Pulau Pinang, Jabatan Pertanian negeri mengakui pertukaran status tanah sawah bagi kegunaan lain antara faktor menjejaskan tahap sekuriti makanan di negeri itu.

Pengarah Jabatan Pertanian negeri, Mohd Muhaimein Ibrahim, berkata menerusi program pemuliharaan kawasan tanaman padi dilaksanakan pada 2016, dapati seluas 677 hektar sawah di negeri ini direkodkan menguncup.

"Penguncupan ini masing-masing seluas 444.19 hektar di daerah Seberang Perai Utara; manakala di daerah Seberang Perai Tengah (119.93 hektar); daerah Seberang Perai Selatan (97.69 hektar) dan daerah Barat Daya (15.19 hektar)," katanya.

Di Kelantan, Nilai tanah semakin tinggi terutama di kawasan strategik mendorong pemiliknya menjual kepada pihak pemaju projek pembangunan, menyebabkan

kain kawasan padi berkurang lebih 2,617 hektar sejak 10 tahun lalu di Kelantan.

Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Nik Roslan Idris, berkata antara projek pembangunan ialah pembinaan lebuhraya, sekolah dan bangunan komersial.

"Pemilik tanah terutama mereka yang tidak mengusahakan tanaman padi akan merasakan nilai sewaan sekitar RM250 bagi setiap 0.4 hektar semusim tidak mencukupi, menyebabkan tanah yang sudah mencecah ratusan ribu ringgit dijual," katanya.

"Selain itu, masalah tanah pusaka yang dibahagikan kepada ramai anak juga menjadi antara faktor tanah tanaman padi dijual," katanya.

Di Terengganu, Hanya tanah sawah yang dikategorikan bukan kawasan pertanian aktif dan terletak di luar kawasan jelapang akan dipertimbangkan untuk ditukar status kepada tanah bangunan atau kediaman.